

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK (BALIK PULAU)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jelaskan pelaksanaan sistem keluar masuk sempadan negara dan penggunaan teknologi *facial recognition* di pintu masuk seperti di KLIA bagi data keluar-masuk yang lebih tepat dan cepat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang membangunkan suatu Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) bagi menggantikan operasi Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) yang sedang digunakan pada masa ini. Pembangunan Sistem NIISe yang menyeluruh dan bersepadu ini turut mengambil kira keperluan pelaksanaan dan penggunaan teknologi imbasan biometrik dan pengecaman wajah (*facial recognition*) untuk merekod kemasukan individu di semua pintu masuk negara. Pembaharuan yang dilaksanakan melalui Sistem NIISe adalah amat kritikal bagi memastikan sistem yang digunakan dapat berfungsi dengan selamat, lebih efisien serta kekal relevan sesuai dengan cabaran semasa. Persekitaran keselamatan global yang semakin mencabar menuntut sistem kawalan sempadan dan imigresen yang lebih berkesan serta cekap bagi menangani khususnya aktiviti militan dan keganasan serta pemerdagangan manusia. Sistem NIISe dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2023 kelak.